



SIARAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-18

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN)
& PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

27 Ogos 2020



PENGENALAN

1. Pada minggu ini, **Laporan LAKSANA Ke-18** akan merangkumi 3 perkara:
 - a. Status pencapaian Pakej PRIHATIN;
 - b. Status pelaksanaan PENJANA; dan
 - c. Ulasan isu semasa.

PRIHATIN (Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat)

2. Di bawah PRIHATIN, inisiatif adalah terbahagi kepada tiga teras utama iaitu:
 - a. Melindungi Rakyat;
 - b. Menyokong Perniagaan; dan
 - c. Memperkukuhkan Ekonomi.

PRIHATIN MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT

3. **Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam mengurangkan beban serta menambah aliran tunai rakyat.** Sehingga 14 Ogos 2020, jumlah pengeluaran kumulatif di antara April sehingga Ogos 2020 adalah sebanyak RM7.4 bilion (peningkatan daripada RM6.53 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.55 juta penerima (peningkatan daripada 4.52 juta).

4. Dengan pembukaan ekonomi melibatkan hampir kepada semua sektor, adalah diharapkan agar bantuan ini dimanfaatkan oleh golongan yang benar-benar memerlukan, iaitu individu yang kehilangan pekerjaan dan masih belum mendapat pekerjaan baharu, serta individu yang masih bekerja tetapi gaji mereka terjejas atau berkurangan akibat COVID-19.
5. **KWSP** turut menyediakan platform khas melibatkan **Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS)** secara percuma untuk perancangan persaraan. Maklumat mengenai perkhidmatan ini boleh didapati di <https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service>

PRIHATIN MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

6. Bagi **Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds)** yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), setakat 14 Ogos 2020 jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah **RM10.1 bilion** (peningkatan daripada RM9.86 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada **22,143 PKS** (peningkatan daripada 21,759 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility*, *Automation & Digitalisation Facility*, *All-Economic Sector Facility* dan *Agrofood Facility*.
 - a. *Special Relief Facility* telah menerima permintaan yang sangat memberangsangkan dan telah dimanfaatkan sepenuhnya. **Lebih 21,000 PKS** di seluruh Malaysia telah menerima kemudahan ini dan telah membantu dalam **mengekalkan lebih 400,000 pekerjaan**.
 - b. Dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi, PKS juga boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti *Automation & Digitalisation Facility*, *All-Economic Sector Facility* dan *Agrofood Facility*. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui **platform imSME** di pautan <https://imsme.com.my/portal/bm/> yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
14 Ogos	10.1	22,143
7 Ogos	9.9	21,759
31 Julai	9.6	21,410
24 Julai	9.4	21,063
20 Julai	9.2	20,815

10 Julai	9.1	20,545
3 Julai	8.8	20,104
26 Jun	8.4	19,539
19 Jun	8.2	19,253
12 Jun	7.8	18,449
5 Jun	7.5	18,227
31 Mei	6.9	16,833
17 Mei	5.8	14,075
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

**Jumlah kumulatif*

PRIHATIN MATLAMAT 3: PERKUKUH EKONOMI

7. Bagi **Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan** yang berkuatkuasa sejak 1 April 2020 lalu, setakat 14 Ogos 2020 **nilai moratorium** tersebut dianggarkan berjumlah **RM74.3 bilion**. Daripada angka ini, sebanyak RM26.0 bilion adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh rakyat bernilai RM48.3 bilion.
 - a. Menjelang tamatnya moratorium secara umum pada 30 September 2020, institusi perbankan terus bersedia untuk membantu peminjam yang terjejas akibat COVID-19 melalui **bantuan bank bersasar**. Bagi mereka yang masih terkesan, jangan tunggu sehingga saat-saat akhir untuk menghubungi institusi perbankan bagi berbincang dan memohon fleksibiliti pembayaran balik.
 - b. Dengan pembukaan ekonomi secara berperingkat sejak Mei 2020, pelaksanaan **bantuan bank bersasar** bermula 1 Oktober 2020 ini adalah wajar bagi mereka yang masih terjejas. Inisiatif ini juga adalah bagi menjamin sistem perbankan negara kekal utuh dan kukuh.
 - c. Sistem perbankan yang kukuh adalah penting untuk menyokong pemulihan ekonomi dengan terus menyediakan akses pembiayaan kepada perniagaan dan isi rumah, selain sentiasa bersedia untuk berdepan dengan sebarang kemungkinan serta ketidakpastian pada masa akan datang. Selain itu, industri bank juga memiliki obligasi dalam membayar keuntungan kepada tabungan atau deposit pelanggannya.
8. Maklumat berkaitan pencapaian inisiatif-inisiatif lain dibawah PRIHATIN boleh dirujuk di Lampiran laporan ini.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

9. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif terbahagi kepada **tiga matlamat penting**:
 - a. Memperkasakan Rakyat;
 - b. Melonjakkan Perniagaan; dan
 - c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

10. **Pertama, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Sejak pendaftaran dibuka pada 15 Jun 2020, **seramai 17,400** (peningkatan daripada 12,998) pekerja telah berjaya mendapat pekerjaan. Jumlah ini merangkumi **12,810 orang di bawah umur 40 tahun, 2,462 orang bagi 40 - 60 tahun, 149 OKU dan 1,979 orang Perantis**. RM1.5 bilion telah diperuntukkan untuk program ini bagi menggalakkan pengambilan pekerja oleh majikan.
11. **Kedua, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Bagi menangani isu pengangguran, Kerajaan sangat komited dalam meningkatkan kebolehpasaran belia dan penganggur, Kerajaan dengan kerjasama beberapa Kementerian dan agensi akan melaksanakan **program latihan dan peningkatan kemahiran bagi golongan belia dan penganggur**. Program-program yang bakal dilancarkan ini dianggarkan dapat memanfaatkan hampir 200,000 belia dan penganggur. Antara agensi yang telah memulakan inisiatif ini ialah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di mana:
 - a. Pihak HRDF telah menerima sejumlah 9,239 cadangan dari 2,525 penyedia latihan. Berdasarkan cadangan-cadangan ini, 2,548 majikan akan menawarkan penempatan latihan yang bakal memanfaatkan 244,207 pelatih. Setakat 14 Ogos 2020, **seramai 15,250 pelatih** telah mengikuti program-program yang diselenggarakan oleh HRDF. Daripada jumlah ini, **14,981 merupakan daripada kumpulan belia**.
 - b. NCIA baru melancarkan program fast track **JomKerja@NCER** dan **JomNiaga@NCER** pada **8 Ogos 2020** untuk menangani kumpulan sasaran yang terjejas dan merangsang ekonomi selepas COVID-19. Sehingga 21 Ogos 2020, **seramai 11,690 telah menerima manfaat** melalui program yang sedia ada. Manakala, bagi program yang baru dilancarkan sebanyak **370 daripada 8,000 peluang penempatan** pekerjaan telah dikenal pasti melalui **JomKerja@NCER** dan **JomNiaga@NCER**.
12. **Ketiga, Program Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas.** Kerajaan prihatin terhadap golongan mudah terjejas dan telah memperuntukkan RM300 secara 'one-off' atau sekali sahaja kepada OKU berdaftar, ibu tunggal, serta sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah. Setakat 14 Ogos 2020, **sejumlah RM59.14 juta** telah disalurkan dan telah **memanfaatkan 197,125 penerima** iaitu

- a. OKU berdaftar: **RM55.7 juta (185,713 penerima)**
- b. Ibu tunggal: **RM2.9 juta (9,597 penerima)**
- c. Sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah: **RM544,500 (1,815 penerima)**

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

13. **Pertama, Skim Pemulihan Perniagaan Tekun** atau **TEKUN Business Recovery Scheme – TBRS**). Setakat 14 Ogos 2020, sebanyak **5,838 permohonan diluluskan** (peningkatan daripada 3,459) **berjumlah RM40.73 juta** (peningkatan daripada RM24.9 juta). Daripada jumlah ini, sebanyak **RM22.05 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan oleh **3,053 PKS Mikro**.
14. **Kedua, Pembiayaan PKS PENJANA**. Skim ini dengan dana yang diperuntukkan berjumlah RM2 bilion akan memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman dari bank terlibat bagi membantu PKS yang terkesan daripada pandemic COVID-19. Sehingga 14 Ogos 2020, sebanyak **803 permohonan PKS telah diluluskan pinjaman dengan nilai pinjaman sebanyak RM234.7 juta**. Jika dibandingkan jumlah kelulusan mengikut saiz perusahaan, pecahan kategori adalah seperti berikut:

Saiz PKS	Bilangan	Nilai Jumlah Pinjaman (RM juta)
Mikro	96	13.22
Kecil	553	152.56
Sederhana	154	68.95

15. **Ketiga, Kempen E-Dagang kepada Perusahaan Mikro dan PKS (PMPKS)** **Kempen E-Dagang** ini merupakan inisiatif yang diterajui oleh **Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)** dan bertujuan untuk menggalakkan penggunaan e-dagang oleh PKS dan PKS mikro dengan memudahkan peralihan kepada digitalisasi perniagaan melalui program yang dibiayai bersama di antara Kerajaan dan 20 platform e-dagang. Platform e-dagang yang terlibat akan menyediakan kemudahan latihan *onboarding* e-dagang, subsidi jualan, dan khidmat sokongan jualan. Sehingga 14 Ogos 2020, sebanyak **71,000 PMPKS** (peningkatan daripada 63,000 PMPKS minggu lalu) telah menerima manfaat dari inisiatif ini. PMPKS dan perniagaan tempatan yang mahu menyertai kempen tersebut boleh mendaftar menerusi www.go-ecommerce.my/PENJANA.
16. **Keempat, kempen “Shop Malaysia Online”**. Kempen ini pula merupakan kerjasama di antara Kerajaan dengan 22 penyedia platform e-dagang untuk

membiayai secara bersama diskaun e-baucar bagi menggalakkan pembelian produk tempatan secara dalam talian melalui penyedia platform e-dagang yang menyertai kempen ini. Melalui diskaun e-baucar ini, penggunaan dan pembelian dalam talian oleh pengguna dijangka dapat digalakkan lagi dan ini akan meningkatkan permintaan terhadap produk tempatan. Sehingga 14 Ogos 2020, seramai **2.8 juta pengguna** (peningkatan daripada 1.09 juta pengguna minggu lalu) telah menerima manfaat kempen ini. Pengguna dan perniagaan tempatan yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ‘*Shop Malaysia Online*’ boleh melayari www.go-ecommerce.my/PENJANA.

17. Kedua-dua **Kempen E-Dagang kepada Perusahaan Mikro dan PKS (PMPKS)** dan **kempen “Shop Malaysia Online” bagi Penggunaan Dalam Talian** adalah saling menyokong ke arah mendorong perniagaan untuk melakukan lonjakan digital bagi meluaskan lagi capaian pasaran mereka.

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

18. **National Technology and Innovation Sandbox:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah melancarkan inisiatif *National Technology and Innovation Sandbox* pada 19 Ogos 2020 bagi mempercepatkan penciptaan, penerimaan dan pengkomersialan teknologi tinggi dan inovasi tempatan di semua peringkat, terutamanya bagi golongan usahawan, *startups* serta PKS tempatan.
19. Sebagai permulaan, program ini akan dilaksanakan melalui empat skim pembiayaan di bawah Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) iaitu *Single Site Sandbox*, *Multiple Sites Sandbox*, *Commercialisation Sandbox* dan *Corporate Sandbox*. Jumlah pembiayaan adalah di antara RM250,000 ke RM4 juta yang bergantung kepada kategori dana. RM100 juta telah diperuntukkan untuk program ini dan permohonan telah dibuka sejak 15 Julai 2020 lalu.

ULASAN ISU SEMASA

20. Pada 24 Ogos 2020, Rang Undang-Undang (RUU) yang dinamakan **Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus (COVID-19) 2020)** diluluskan selepas mendapat sokongan menerusi undian suara di Dewan Rakyat hari ini. Dengan kelulusan ini, langkah-langkah berikut dapat dilaksanakan oleh Kerajaan:
 - a. Dana tambahan sebanyak RM45 bilion dapat disalurkan ke Kumpulan Wang COVID-19 bagi tujuan-tujuan yang telah dijelaskan di dalam Bil Covid 19 tersebut.
 - b. Membolehkan kerajaan menaikkan had statutori hutang hingga ke paras 60% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berdasarkan **Akta Pinjaman (Tempatan) 1959** dan **Akta Pendanaan Kerajaan 1983**. Kenaikan had ini

adalah suatu langkah sementara dan akan kembali kepada had 55 peratus KDNK pada tahun 2023.

21. Pakej rangsangan ekonomi negara yang dilaksanakan kerajaan adalah daripada pinjaman domestik berdasarkan tahap kecairan kewangan negara yang mencukupi sekitar RM146 billion. Langkah ini juga dapat mengurangkan pendedahan risiko tukaran wang asing serta risiko pembiayaan semula. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, RUU ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk mengambil langkah intervensi segera bagi memelihara kesejahteraan rakyat dan mengelakkan ekonomi daripada terjerumus jatuh ke tahap yang lebih buruk.
22. Tarikh kuat kuasa akta ini akan bermula pada **27 Februari lalu hingga 31 Disember 2022**. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat yang sebulat suara bersetuju dengan Rang Undang-Undang tersebut. InsyaAllah, muafakat ini akan membawa berkat kepada rakyat dan negara.
23. Seterusnya, Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah yang telah diambil melalui PRIHATIN dan PENJANA telah menunjukkan kesan positif kepada usaha pemulihan dan Kerajaan sudah memulakan perancangan fasa yang seterusnya iaitu pemerkasaan ekonomi yang akan diuraikan lanjut dalam Belanjawan 2021. Pasukan dari Kementerian Kewangan telah meneruskan **Jelajah Belanjawan 2021** ke negeri Johor pada 15 dan 16 Ogos 2020 dan ke negeri Pahang pada 25 Ogos untuk mendapatkan maklumbalas mengenai inisiatif pakej pemulihan ekonomi PRIHATIN dan PENJANA serta mengumpul cadangan dalam merangka Bajet 2021 melalui beberapa sesi dialog bersama wakil sector-sektor seperti pendidikan, farmaseutikal, industri asas tani serta usahawan PKS wanita.
24. **Bagi belanjawan 2021, maklum balas daripada semua golongan masyarakat adalah amat dialu-alukan.** Rakyat boleh mula mengemukakan cadangan melalui laman sesawang <http://belanjawan2021.treasury.gov.my>. Portal tersebut akan dibuka sehingga **15 September 2020**. Sekian, terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

27 Ogos 2020

LAMPIRAN - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 14 Ogos 2020, sebanyak RM222.4 juta telah disalurkan berdasarkan 694,447 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2.	Bantuan Sara Hidup atau BSH	a. Seramai 4.18 juta penerima telah berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank melibatkan bayaran RM 2.7 bilion. Penerima BSH yang lulus tetapi tidak dapat dikreditkan ke dalam akaun bank boleh menuntut secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) sehingga 31 Disember 2020. b. Permohonan Rayuan BSH 2020 dibuka sehingga 6 September 2020. Tiada sebarang bayaran dikenakan bagi permohonan atau rayuan. Proses rayuan boleh dibuat melalui: • Cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / Pusat Transformasi Bandar (<i>Urban Transformation Center – UTC</i>). • Secara dalam talian (<i>online</i>) bagi pemohon yang berstatus Tidak Lulus tertentu sahaja. Sila layari pautan berikut bagi maklumat lanjut https://bsh.hasil.gov.my/
3.	Pemandu teksi	Setakat 14 Ogos 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan tunai one-off kepada 30,089 pemandu teksi (peningkatan daripada 29,968) berjumlah RM18.05 juta (peningkatan daripada RM17.9 juta) buat penerima fasa pertama. Bagi penerima fasa kedua, pembayaran telah mula dibuat pada 22 Julai 2020 yang melibatkan 4,814 pemandu. Sebanyak 3,100 pemandu telah menerima pembayaran bagi fasa kedua yang berjumlah RM1.8 juta.

4.	Pemandu Pelancong	Sehingga 14 Ogos 2020, seramai 7,610 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,582 pemandu) telah menerima bantuan tunai <i>one-off</i> berjumlah RM4.57 juta (peningkatan daripada RM4.55 juta)
5.	Pemandu bas pelancongan	Pembayaran tunai <i>one-off</i> kepada 3,104 bagi pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 14 Ogos 2020, seramai 2,870 pemandu bas pelancong telah menerima bantuan berjumlah RM1.7 juta .

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

6.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Sehingga 14 Ogos 2020, sebanyak 67,413 permohonan (peningkatan daripada 66,673 minggu lalu) telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 12,706 permohonan telah diluluskan bernilai RM83.23 juta (peningkatan daripada RM82.72 juta minggu lalu) bagi caruman KWSP majikan. <table><tr><th>Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP</th><th>Jumlah permohonan diterima*</th><th>Jumlah permohonan diluluskan*</th><th>Jumlah diluluskan* (RM juta)</th></tr><tr><td>14 Ogos</td><td>67,413</td><td>12,706</td><td>83.2</td></tr><tr><td>7 Ogos</td><td>66,673</td><td>12,584</td><td>82.7</td></tr><tr><td>31 Julai</td><td>65,986</td><td>12,425</td><td>82.1</td></tr><tr><td>24 Julai</td><td>65,122</td><td>12,165</td><td>80.9</td></tr><tr><td>20 Julai</td><td>64,265</td><td>11,930</td><td>79.3</td></tr><tr><td>10 Julai</td><td>58,455</td><td>11,370</td><td>76.1</td></tr><tr><td>3 Julai</td><td>37,900</td><td>10,528</td><td>70.4</td></tr><tr><td>26 Jun</td><td>36,107</td><td>9,542</td><td>63.9</td></tr><tr><td>19 Jun</td><td>34,246</td><td>8,489</td><td>56.8</td></tr><tr><td>12 Jun</td><td>31,400</td><td>7,194</td><td>47.9</td></tr><tr><td>5 Jun</td><td>29,601</td><td>6,457</td><td>42.9</td></tr><tr><td>31 Mei</td><td>26,509</td><td>5,245</td><td>34.8</td></tr><tr><td>17 Mei</td><td>20,771</td><td>3,168</td><td>20.6</td></tr><tr><td>10 Mei</td><td>13,690</td><td>2,032</td><td>13.4</td></tr></table> <i>*jumlah kumulatif</i>	Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)	14 Ogos	67,413	12,706	83.2	7 Ogos	66,673	12,584	82.7	31 Julai	65,986	12,425	82.1	24 Julai	65,122	12,165	80.9	20 Julai	64,265	11,930	79.3	10 Julai	58,455	11,370	76.1	3 Julai	37,900	10,528	70.4	26 Jun	36,107	9,542	63.9	19 Jun	34,246	8,489	56.8	12 Jun	31,400	7,194	47.9	5 Jun	29,601	6,457	42.9	31 Mei	26,509	5,245	34.8	17 Mei	20,771	3,168	20.6	10 Mei	13,690	2,032	13.4
Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)																																																											
14 Ogos	67,413	12,706	83.2																																																											
7 Ogos	66,673	12,584	82.7																																																											
31 Julai	65,986	12,425	82.1																																																											
24 Julai	65,122	12,165	80.9																																																											
20 Julai	64,265	11,930	79.3																																																											
10 Julai	58,455	11,370	76.1																																																											
3 Julai	37,900	10,528	70.4																																																											
26 Jun	36,107	9,542	63.9																																																											
19 Jun	34,246	8,489	56.8																																																											
12 Jun	31,400	7,194	47.9																																																											
5 Jun	29,601	6,457	42.9																																																											
31 Mei	26,509	5,245	34.8																																																											
17 Mei	20,771	3,168	20.6																																																											
10 Mei	13,690	2,032	13.4																																																											
7.	Program Subsidi Upah	Sehingga 14 Ogos 2020, sebanyak RM9 bilion Subsidi Upah telah diluluskan yang memanfaatkan lebih 2.6 juta pekerja. Daripada jumlah ini, sebanyak RM 8.75 bilion telah berjaya disalurkan.																																																												

8.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 14 Ogos 2020, pembayaran telah dibuat kepada 9,899 PKS (peningkatan daripada 9,375 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM340.12 juta (peningkatan daripada RM322.99 juta minggu lepas)
9.	Program TEKUN	Setakat 14 Ogos 2020, pembayaran telah dibuat kepada 24,957 PKS (peningkatan daripada 24,690 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM187.92 juta (peningkatan daripada RM185.58 juta minggu lepas).
MATLAMAT 3: MEMPERKUKUHKAN EKONOMI		
10.	Pembendungan penularan wabak COVID-19	Sebanyak RM1 bilion diperuntukkan bagi membiayai pembelian peralatan perubatan seperti <i>ventilator</i> dan peralatan ICU, peralatan perlindungan diri (PPE) bagi kakitangan perkhidmatan perubatan awam serta keperluan makmal untuk saringan COVID-19. Setakat 14 Ogos 2020 , sebanyak RM512.5 juta telah disalurkan dalam usaha meningkatkan lagi keupayaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memerangi COVID-19.